



**TAY (kanan) menyampaikan anugerah Status Premier Plus kepada Lee sambil diperhatikan Dr Ng (tengah). - Gambar oleh Amiruddin Shahid**

# Kolej Sunway dapat status Premier Plus

**Oleh Norzilawati Abdul Halim**

BADAN perakaunan profesional, Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), United Kingdom menganugerahkan Status Premier Plus kepada Kolej Sunway. Iritukan kejayaan institusi pendidikan itu melepasi pencapaian standard peraturan kelulusan bertaraf antarabangsa.

Ketua ACCA Malaysia Sdn Bhd, Tay Kay Luan, berkata Kolej Sunway adalah penerima pertama anugerah itu di Asia dan satu-satunya di luar negara Eropah.

"Sebagai badan antarabangsa yang menawarkan program perakaunan profesional, kami menetapkan standard yang tinggi dari segi pencapaian kelulusan kertas peperiksaan yang diduduki pelajar.

"Terdapat tiga tahap akreditasi diberikan, iaitu Registered diikuti Premier dan tahap tertinggi ialah Premier Plus. Untuk mencapai tiga tahap ini, antara syarat yang perlu dipatuhi ialah kualiti institusi pendidikan yang menawarkan program ACCA, selain bertanggungjawab memaklumkan pelajar mengenai pilihan programnya.

"Institusi pendidikan itu juga mesti sentiasa mempertingkatkan standard dan perkhidmatannya kepada pelajar," katanya selepas menyaksikan penyampaian anugerah

status Premier Plus yang disampaikan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ng Yen Yen kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Sunway - Pendidikan dan Penjagaan Kesihatan, Lee Weng Keng di Bandar Sunway, Selangor, semalam.

Hadir sama, Ahli Exco Kumpulan Sunway, Puan Sri Dr Susan Cheah; Pengetua Kolej Sunway, Elizabeth Lee dan Pengarah Bahagian Kewangannya, Teo Ee Sing.

Sementara itu, Lee berkata, penganugerahan itu adalah penghargaan tertinggi terhadap Kolej Sunway kerana ia muncul satu daripada 32 institusi pendidikan seluruh dunia yang menerima status itu.

Sejak diperkenalkan pada 1994, katanya, kini seramai 1,400 pelajar mengikuti program ACCA dan Certified Accounting Technician dan menyifatkannya sebagai cabaran bagi mengekalkan tahap kecemerlangan menepati standard antarabangsa itu.

Antara syaratnya ialah perlu mengekalkan prestasi kecemerlangan kelulusan kertas peperiksaan ACCA selama dua tahun berturut-turut.

Kolej Sunway berjaya melahirkan ramai graduan bertaraf antarabangsa menerusi program ACCA dan terkini, enam daripadanya menerima anugerah peringkat antarabangsa.

**This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.**